

UniSZA buka kiosk susu kambing

BESUT 31 Ogos - Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang membangunkan ladang tenusu di sini kini mengorak langkah mengeluarkan pelbagai produk makanan berasaskan susu kambing berjenama UniFarm.

ia mula diperkenalkan kepada umum melalui pembukaan kiosk pertama di bandar Jertih, di sini kelmarin yang kelak disasarkan akan turut diwujudkan di setiap bandar di negeri ini di samping pasaran melalui trak makanan.

Naib Canselornya, Datuk Dr. Ahmad Zubaidi Abdul Latif memberitahu, kiosk yang dinamakan Kiosk SKU memasarkan susu kambing di samping produk

daripada bahan tersebut iaitu aiskrim, yogurt, keju, karipap dan samosa.

"Susu segar yang dipasarkan adalah hasil produk kumpulan Pengusaha Komuniti Tenusu Kambing Besut (PKTKB) di bawah bimbingan UniSZA," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas majlis perasmian kiosk perintis itu yang disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Perusahaan Perladangan dan Komoditi negeri, Datuk Muhamad Pehimi Yusof.

UniSZA mengerakkan ladangnya tenusu di Kampung Bukit Marak, Hulu Besut bagi proses pengajaran dan pembelajaran

dengan pendekatan bekerja sambil belajar di bawah Program Dua Universiti + Dua Industri (2u2i).

Pembukaan ladang seluas lebih 80 hektar itu selari dengan konsep penyelidikan transnasional yang bakal turut membimbing masyarakat setempat membina buri bidang penternakan kambing bagi penghasilan susu. Program Ladang Kambing Tenusu (UDGF) dan kiosk berkenaan bertujuan memindahkan ilmu keusahawanan dalam bidang ternakan kambing tenusu kepada penternak tempatan.

"Program UDGF melibatkan konsep pemberian pawah kambing tenusu berbaka baik kepada

100 orang PKTKB bagi memberikan peluang pekerjaan kepada mereka, meningkatkan pendapatan di samping membekalkan makanan berkhasiat," ujarnya.

Sementara itu Pahemi memberitahu, bilangan pengusahanya seramai 95 orang dengan 2,285 ekor ternakan, termasuk 18 pengusaha di daerah ini dengan 421 ekor ternakan.

Beliau berharap bilangan pengusaha sebenar mampu ditingkatkan kepada 100 orang di daerah ini dan jumlah ternakan dilonjakkan melalui bimbingan kepakaran dan khidmat penyelidikan UniSZA agar sekali gus menjadikan Besut sebagai hab susu kambing.